

HUBUNGAN DIANTARA SAIZ INSTITUSI, PINJAMAN TIDAK BERBAYAR & NISBAH MODAL TERHADAP PRESTASI INSTITUSI PERBANKAN

Suzana Ab Rahman¹ & Muhammad Akmal Hassan²

¹Pensyarah di Fakulti Inovasi Perniagaan dan Perakaunan, KUIM

²Pelajar di Fakulti Inovasi Perniagaan dan Perakaunan, KUIM

Abstrak

Faktor modal memberi kesan kepada prestasi perbankan di Malaysia selain daripada itu, isu – isu inovasi dalam instrument produk kewangan dan perkembangan baru dalam pasaran antarabangsa terhadap pelanggan juga akan memberi impak kepada prestasi perbankan. Manakala tiada jaminan untuk bertahan mahupun terselamat kepada institusi bank terhadap produk pembiayaan yang di tawarkan jika berlakunya krisis ekonomi. Menurut (Barnes 2008) dan ia merupakan satu keperluan untuk mengekalkan prestasi kewangan di kalangan institusi kewangan, terutamanya dalam sektor perbankan. Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa objektif yang tertentu, seperti untuk mengenalpasti faktor yang dipengaruhi diantara pinjaman tidak membayar (NPL) terhadap prestasi institusi perbankan. Untuk mengenalpasti faktor yang dipengaruhi di antara modal terhadap prestasi institusi perbankan. Untuk mengenalpasti mengenalpasti faktor yang dipengaruhi diantara saiz institusi perbankan terhadap prestasi institusi perbankan. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan data sekunder atau lebih dikenali data pane yang kini popular dalam bidang kewangan. Seterusnya, data dianalisis menggunakan Statistic Package for Social Science (SPSS) For Windows Version 23.0 SPSS. Analisis statistik yang digunakan pula ialah analisis deskriptif dan analisis regresi kajian buka parametrik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga pembolehubah tidak bersandar iaitu pinjamn tidak membayar (NPL), saiz institusi perbankan dan nisbah modal adalah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pulangan ke atas asset (ROA). Kajian yang akan datang dicadangkan untuk meneruskan kajian ini dengan membesarkan skop kajian kepada bidang yang lebih meluas dimana supaya penyelidik yang akan datang mendapat keputusan yang lebih tepat

Kata Kunci: Prestasi Kewangan, Nisbah Modal, Pinjaman Tidak Berbayar, Pulangan atas Aset

THE RELATIONSHIP BETWEEN SAIZ INSTITUTIONS, NONPERFORMING LOANS & CAPITAL RATIO TOWARDS FINANCIAL PERFORMANCE OF BANKING INSTITUTION

Abstract

Capital factors affect the performance of banking in Malaysia. due to innovation issues in financial product instruments and new developments in the international market towards customers. While there is no guarantee of survival or survival in banking institutions against the financing products offered in the wake of the economic crisis. Furthermore, it is a requirement to maintain financial performance among financial institutions, especially in the banking sector. This study has to identify factors affecting the non-performing loans (NPLs) on the performance of banking institutions. To identify the factors influencing capital against the performance of banking institutions. To identify the factors influencing the size of the banking institutions on the performance of banking institutions. This study is done using secondary data or better known pane data which is now popular in finance. Subsequently, the data was analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) For Windows Version 23.0 SPSS. Statistic statistics used were descriptive analysis and regression analysis of open parametric study. The findings show that the three independent variables ie non-performing loans (NPLs), the size of the banking institutions and the ratio capital have significant relationships with return on assets (ROA).

Keyword: Financial Performances, Capital Ratio, Non-Performing Loan, Return on Asset

PENDAHULUAN

Negara yang maju pastinya mempunyai keadaan ekonomi yang baik sama ada dari segi struktur ekonomi, pengurusan ekonomi dan khususnya pertumbuhan ekonomi dalam negaranya. Setiap sudut yang berkaitan dengan ekonomi mempunyai sektor – sektor yang memberi sokongan dan pengaruh terhadap ekonomi tersebut untuk terus maju ke hadapan setaraf dengan kedudukan ekonomi negara – negara maju yang lain. Melalui kajian (Louzis, Vouldis, & Metaxas, 2012) antara sektor yang memberi pengaruh yang besar terhadap kedudukan ekonomi adalah sektor perbankan.

Tambahan, prestasi industri perbankan juga turut memainkan peranan penting dimana aktiviti – aktiviti yang dilakukan oleh pihak bank melibatkan perkembangan ekonomi sesebuah negara. Justeru, dengan peningkatan prestasi institusi perbankan yang kukuh ianya akan dapat memajukan serta memperkukuhkan lagi keadaan ekonomi sesebuah negara setara dengan negara – negara maju yang lain. Seajar dengan itu, negara – negara maju yang sedia ada pada masa kini, mempunyai prestasi industri perbankan yang terbaik. Oleh kerana,

industri perbankan merupakan sektor yang menjadi tumpuan terhadap perkembangan dan kestabilan negara, terdapat pelbagai isu yang sering dibincangkan oleh pelbagai lapisan dari golongan pendidikan hingga ke pemimpin negara. Maka dengan kepentingan bidang sektor perbankan ini telah menarik minat pengkaji untuk mengkaji isu yang timbul dalam industri perbankan.

LATARBELAKANG

Perbankan merupakan satu sistem yang digunapakai oleh setiap negara dan termasuk juga negara yang sedang membangun ini iaitu Malaysia. Terdapat dua jenis sistem perbankan iaitu sistem perbankan konvensional dan sistem perbankan Islam yang diamalkan didalam sektor perbankan di negara Malaysia. Pada awalnya, perbankan konvensional merupakan sistem perbankan pertama yang telah digunapakai hampir seluruh dunia dan tidak terkecuali di Malaysia turut menjalankan sistem perbankan konvensional. Kira-kira dalam 850 tahun yang lalu sistem perbankan konvensional ini telah diwujudkan dan pelbagai produk telah ditawarkan dalam sistem perbankan konvensional ini seperti kad kredit, overdraf, pelaburan dan sebagainya. Namun, terdapat unsur-unsur riba, gharar (keraguan atau ketidakpastian) dan maysir (perjudian) dalam institusi kewangan konvensional ini. Sistem Perbankan Islam pula mula berkembang sejak tahun 1969 dan bermula daripada tahun tersebut sistem perbankan Islam ini semakin berkembang dari semasa ke semasa di Malaysia.

Berdasarkan kajian Ruzian Markom dan Norilawati Ismail (2009) ada menyatakan bahawa Lembaga Tabung Haji (LTH) atau juga dikenali sebagai Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji merupakan institusi yang pertama telah melaksanakan sistem perbankan kewangan Islam di Malaysia pada tahun tersebut. Hal ini kerana ingin menggalakkan masyarakat Muslim di Malaysia untuk mula menyimpan wang mereka berlandaskan syariah di samping dapat menunaikan ibadah haji. Hal yang demikian, menurut kajian Abdus Samad (2004) yang turut mengkaji prestasi bank di Bahrain ini mendapati bahawa peratus keutungan perbankan Islam lebih kecil berbanding perbankan konvensional dalam kajian beliau kerana segala kegiatan dalam sistem perbankan Islam adalah bebas daripada faedah jika dibandingkan sistem perbankan konvensional yang terlibat dalam faedah yang mana kadar faedah yang dikenakan itu adalah dikategorikan sebagai riba. Walaubagaimanapun, dalam Islam mengharamkan sebarang kegiatan yang melibatkan riba, maysir dan gharar ini telah memberikan kesedaran kepada umat Islam khususnya di Malaysia.

Walaupun sistem pengurusan bagi setiap perbankan ini adalah berbeza, namun kedua-dua jenis perbankan ini amat mementingkan prestasi bank masing-masing. Pulangan ke atas aset (ROA) menjadi ukuran dalam sistem perbankan konvensional dan juga perbankan Islam. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan adalah ingin mengenal pasti prestasi bank di Malaysia berdasarkan pemboleh ubah bersandar serta pemboleh ubah bebas yang telah dipiih khususnya dalam Bank Islam Bhd Malaysia dan Malayan Banking Bhd

PENYATAAN MASALAH

Perbankan adalah industri yang semakin berkembang pesat. Hal ini demikian kerana setiap bank akan cuba meningkatkan prestasi keseluruhan serta keuntungan untuk menduduki kedudukan yang lebih baik dalam sistem kewangan. Kajian ini akan mengenal pasti unsur-unsur utama yang memberi kesan kepada prestasi bank. Berdasarkan (Mohammad Taqiuddin Mohamad, 2010) menyediakan bukti empirikal di mana faktor modal memberi kesan kepada prestasi perbankan di Malaysia. Dalam menghadapi persekitaran perniagaan global hari ini, Institusi kewangan harus memberi keutamaan untuk mengekalkan kelebihan daya saing mereka. Kelebihan daya saing yang maksimum adalah salah satu elemen untuk mengekalkan objektif prestasi institusi perbankan sejajar dengan misi dan visi penubuhan institusinya (Barnes 2008) dan ia merupakan satu keperluan untuk mengekalkan kelebihan persaingan juga wujud di kalangan institusi kewangan, terutamanya dalam sektor perbankan. Justeru, menurut (Ahmad & Hassan 2007) disebabkan isu – isu inovasi dalam instrumen produk kewangan dan perkembangan baru dalam pasaran antarabangsa dan tiada jaminan untuk bertahan mahupun terselamat dalam industri perbankan dari mana - mana bank jika berlakunya krisis ekonomi. Oleh yang demikian, isu ini merupakan perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan bank bagi mengukuhkan prestasi institusi kewangan dalam masing – masing pasaran. Sehubungan dengan itu, pengkaji ini telah mengkaji untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi prestasi industri perbankan di Malaysia.

Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa objektif yang tertentu, antaranya:

- i. Untuk mengenalpasti faktor yang dipengaruhi diantara pinjaman tidak berbayar (NPL) terhadap prestasi institusi perbankan.
- ii. Untuk mengenalpasti faktor yang dipengaruhi di antara modal terhadap prestasi institusi perbankan.
- iii. Untuk mengenalpasti mengenalpasti faktor yang dipengaruhi diantara saiz institusi perbankan terhadap prestasi institusi perbankan

KAJIAN LITERATUR

Pembolehbah Bersandar

Pelaksanakan prestasi yang kukuh menjadi peranan yang penting kepada perantara kewangan seperti bank. Sumber utama dana melalui pembiayaan bagi industri perniagaan tempatan adalah industri perbankan Malaysia. Oleh itu, institusi perbankan juga berusaha untuk melestarikan keadaan semasa dengan mengikuti segala perubahan yang berlaku serta perkembangan baru dan bertambah baik dari hari demi hari.(Rozzani & Rahman, 2013)

Kesinambungan dari perkara itu, sektor perbankan sering memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi, oleh itu, penilaian prestasi institusi kewangan sangat penting untuk dilaksanakan ke atas sektor perbankan. Pelbagai kaedah yang digunakan untuk menganalisis prestasi perbankan. Antara kaedah popular yang digunakan ialah analisis CAMEL, yang dibangunkan pada tahun 1970-an di Amerika Syarikat iaitu sistem penilaian CAMEL dibuat berdasarkan kepada penilaian ke atas lima elemen penting dalam operasi institusi kewangan iaitu berkaitan kecukupan modal (*capital*), kualiti aset (*asset*), kualiti pengurusan (*management*), perolehan (*earnings*), dan kecairan (*liquidity*). (Daud, 2013)

Pulangan Keatas Aset

Pulangan keatas aset (ROA) digunakan sebagai kayu pengukur, untuk menilai prestasi institusi perbankan. Pulangan keatas aset (ROA) ini untuk mengukur tahap kecekapan dalam penjualan produk dan perkhidmatan oleh pihak bank supaya dapat menghasilkan pulangan yang tinggi melalui sejumlah aset yang dimiliki oleh mereka. Menurut Riyanto, (2001) pulangan keatas aset (ROA) yang lebih tinggi menunjukkan prestasi syarikat yang lebih baik, kerana kadar pulangan pelaburan yang lebih tinggi.

Selain itu, semakin tinggi nisbah ini dari purata industri, semakin baik prestasi bank kerana ini menunjukkan peningkatan dalam keuntungan bank kerana pulangan yang tinggi hasil daripada kecekapan penjualan produk dan perkhidmatan perbankan. Seterusnya, dengan pulangan keatas aset (ROA) ini juga akan menyebabkan industri perbankan ini akan lebih meyakinkan pelanggan untuk menggunakan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak bank. Pelabur lebih ingin melabur kepada syarikat yang mempunyai pulangan keatas aset (ROA) yang lebih tinggi, kerana sebagai pelabur mestilah memilih pulangan keatas aset (ROA) yang mampu menghasilkan keuntungan korporat yang tinggi (Ang, 2001). Pulangan ke atas aset (ROA), adalah nisbah kewangan yang digunakan untuk mengukur sejauh mana aset yang digunakan bagi menjana keuntungan yang dimiliki. Berikut jadual 2.3.1 adalah formula :

$$\text{Return On Asset} : \frac{\text{Net Profit After Tax} * 100}{\text{Total Asset}}$$

Jadual 2.3.1 Formula pulangan keatas aset

Oleh yang demikian berdasarkan sorotan kajian lepas yang telah dinyatakan sebelum ini, pengkaji menggunakan pembolehubah pulangan atas aset ini sebagai

pembolehubah bersandar kajian ini bagi mengenalpasti faktor yang mempengaruhi prestasi kewangan perbankan di Malaysia.

Pembolehubah Tidak Bersandar

Saiz Bank

Berdasarkan teori skala ekonomi, menyatakan saiz sesebuah institusi perbankan yang lebih besar akan menggalakkan kedudukan kewangan institusi perbankan yang kukuh dan lebih baik. Ini kerana dengan wujudnya saiz institusi perbankan yang besar ianya akan mendorong bank-bank besar kelihatan memanfaatkan skala ekonomi dalam meminimumkan kos operasi, pengurusan dan sebagainya dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pendepositnya (Bashir 1999; QFinance 2010 ; Kata 2012). Tambahnya dengan memiliki sumber yang lebih banyak, bank-bank besar dapat menggalakkan peningkatan dalam prestasi dengan menggerakkan lebih banyak dana untuk menghasilkan pulangan yang lebih tinggi bagi pendeposit dan pemegang ekuiti mereka. (Rozzani & Rahman, 2013)

Menurut (Scholtens & van Wensveen 2003) pengumpulan dana yang maksimum membolehkan bank bertindak dalam skala ekonomi dan membenarkan kepelbagaian, dengan itu membolehkan bank-bank besar untuk memperoleh teknologi dan mengintegrasikan teknologi ke dalam operasi mereka. Penggunaan teknologi kemudian mencetuskan penyediaan maklumat masa nyata mengenai data makroekonomi dan kewangan, data mengenai kualiti dan aktiviti peserta pasaran.

Berger, Hunter dan Timme (1993), telah bersetuju menyatakan terdapat hubungan secara langsung diantara saiz bank dan prestasi institusi perbankan . Oleh yang demikian, pengkaji akan menggunakan data jumlah aset institusi perbankan sebagai pengumpulan data saiz bank. Ini juga di sokong melalui kajian Bashir (1999), Milbourn, Boot and Thakor (1999), Gjirja (2003), Hassan (2005), Rossi et al. (2005), Altunbas et al. (2007) and El Moussawi and Obeid (2011) yang menggunakan jumlah aset mewakili institusi perbankan. Walaubagaimanapun, terdapat pengkaji seperti Fadzlan Sufian dan Mohamad Akhbar Noor Mohamad Noor (2009), hasilnya pengkaji mendapati kecekapan teknikal secara signifikan berhubung positif dengan saiz institusi perbankan.

Namun begitu, terdapat juga pengkaji seperti (Isshaq dan Bopkin, 2009 dan Naveed Ahmed et. al., 2011), menyatakan saiz tidak mempengaruhi prestasi perbankan kerana tidak semua bank – bank besar boleh mengoptimumkan atau meminimumkan pengurusan atau kos operasinya.

Pinjaman Tidak Berbayar (NPL)

Pinjaman tidak berbayar (NPL), adalah pinjaman yang secara lalai atau hampir tidak dapat di bayar kembali oleh peminjam. (Louzis, Vouldis, & Metaxas, 2012) mendapati bahawa faktor makroekonomi, seperti kadar pertumbuhan KDNK , kadar

pengangguran, kadar pinjaman dan hutang awam sangat memberi kesan kepada tahap Pinjaman tidak berbayar (NPL).

Rinaldi dan Sanchis-Arellano (2006) menganalisis NPL isi rumah memberikan bukti empirikal bahawa prestasi perbankan, pendapatan boleh guna, pengangguran dan keadaan kewangan merupakan faktor – faktor yang sangat mempengaruhi tahap NPL sesebuah bank.

Berge dan Boye (2007) mendapati bahawa pinjaman masalah sangat sensitif terhadap kadar faedah sebenar dan pengangguran untuk sistem perbankan Norway sepanjang tempoh 1993-2005. Selain daripada itu, Boss, M., Fenz, G., Pann, J., Pühr, C., Schneider, M., Ubl, E., (2009) mengkaji gandingan risiko kredit sektor korporat utama Austria dengan kitaran perniagaan untuk mengenalpasti punca-punca lain yang boleh mempengaruhi NPL sesebuah institusi kewangan

$$\text{Non-Performing Loan} = \frac{\text{Non-Performing Loan} * 100}{\text{Total Advances}}$$

Jadual 2.4.2 Formula pinjaman tidak berbayar

Namun demikian kajian turut disokong oleh Sufian dan Razali (2008) pinjaman tidak berbayar kepada jumlah pendahuluan signifikan dengan pulangan keatas aset (ROA). Selain itu menurut Sufian dan Razali (2008) pinjaman tidak berbayar (NPL) ini merupakan sesuatu perkara yang sensitif terhadap pulangan keatas aset (ROA). Berdasarkan teori pelaburan institusi kewangan sentiasa menghadapi risiko yang tinggi, kerana sentiasa menyediakan pinjaman kepada pelanggan. Ini menunjukkan bank membuat pelaburan dan akan menjamin keuntungan yang akan datang.

NISBAH MODAL

Modal bank menunjukkan kemampuan bank menyerap kerugian yang tidak dijangka dan terus beroperasi menurut Shamsudin Ismail (2009). Nisbah kecukupan modal boleh diukur menggunakan nisbah modal. Ia akan memberi kesan keatas keupayaan sesebuah bank untuk menyerap kerugian yang tidak dijangka. Nisbah ini dikatakan berhubung positif dengan kedudukan kewangan bank yang baik dan berhubung negatif terhadap kerugian yang mungkin berlaku.

Menurut (Daud, 2013) hasil kajiannya menunjukkan bank asing mendapat nisbah yang lebih tinggi berbanding bank domestik. Manakala bank Islam asing mencatatkan nisbah tertinggi kerana perbezaan antara jumlah modal dan aset yang dimiliki adalah kecil. Walaubagaimanapun bank Islam domestik pula mencatatkan nisbah. Berdasarkan kesemua kajian lepas yang telah dinyatakan mendapati

beberapa faktor institusi perbankan yang terpilih telah mempengaruhi pembolehubah bersandar dalam kajian para pengkaji masing-masing. Ini menepati kajian yang sedang dilaksanakan dalam mengenal pasti sama ada faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi perbankan terpilih iaitu pinjaman tidak dibayar (NPL), saiz industri perbankan (SAIZ) dan nisbah modal (CAPITAL) sama ada ianya signifikan mahupun tidak terhadap pulangan ke atas aset (ROA) di dalam institusi perbankan di Malaysia.

METODOLOGI

Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian kuantitatif digunakan dalam kajian ini kerana kajian ini juga memerlukan data berbentuk angka. Justeru, kajian ini merupakan kajian berbentuk kajian eksperimen. Kajian ini dikategorikan sebagai kajian eksperimen adalah kerana kajian ini melibatkan pengkaji mengkaji kesan diantara pembolehubah bersandar dan tidak pembolehubah tidak bersandar. Kajian eksperimen adalah kajian yang mengkaji regresi atau hubungan diantara sebab dan kesan diantara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Ianya sejajar dengan objektif kajian ini yang ingin mengenalpasti faktor yang mempengaruhi prestasi institusi perbankan. Tambahan, kajian ini dilakukan menggunakan data sekunder atau lebih dikenali data panel yang kini popular dalam bidang kewangan. Ianya diperolehi daripada laporan kewangan tahun berakhir bagi sepuluh bank yang beroperasi di Malaysia. Data ini juga bersifat siri masa *timeseries* atau longitudinal kerana menggunakan data panel selama 10 tahun kebelakang dari tahun 2007 hingga 2016.

Persampelan Kajian

Kajian dilakukan untuk menilai prestasi kewangan perbankan di Malaysia yang terdiri daripada bank domestik dan juga bank asing. Sebanyak dua buah bank dikaji yang terdiri daripada dua buah bank domestik. Daripada dua buah bank domestik, ia dipecahkan lagi kepada bank konvensional dan bank Islam. Bank tersebut terdiri daripada Malayan Banking pemilihan kesemua bank ini penting untuk mengetahui prestasi perbankan di Malaysia secara keseluruhan.


Persamaan Pembolehubah

$$ROA_{y_1} = \alpha NPL_{x_1} + \alpha SAIZ_{x_2} + \alpha CAPITAL_{x_3}$$

- Error! Reference source not found.** = Pulang atas aset
Error! Reference source not found. = Pinjaman Tidak Berbayar (NPL)
Error! Reference source not found. = Saiz Institusi Perbankan
Error! Reference source not found. = Nisbah Modal

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil dapatan analisis menggunakan kaedah regresi berganda, pembolehubah pinjaman tidak dibayar (NPL), saiz institusi perbankan dan nisbah modal dilihat merupakan faktor yang mempengaruhi pulangan ke atas aset (ROA). Dalam erti kata lain, pembolehubah pinjaman tidak dibayar (NPL), saiz institusi perbankan dan nisbah modal adalah signifikan dengan pulangan ke atas aset (ROA).



KESIMPULAN

Pelaksanaan prestasi yang kukuh akan menjadi peranan yang penting kepada perantara kewangan seperti bank untuk menjana pendapatan yang maksimum. Oleh yang demikian, kajian ini telah membuktikan antara unsur-unsur yang memberi kesan kepada prestasi bank adalah faktor pinjaman tidak dibayar, saiz sesebuah institusi perbankan dan nisbah modal. Tambahan, prestasi industri perbankan memainkan peranan penting ini kerana aktiviti – aktiviti yang dilakukan oleh pihak bank akan memberi kesan terhadap perkembangan ekonomi sesebuah negara. Justeru, kajian penyelidikan terhadap skop industri perbankan perlu dipeluaskan bagi tujuan memperoleh input - input prestasi industri perbankan yang maksimum.

RUJUKAN

- Ahmad, A.U.F. & Hassan, M.K. 2007. Regulation and performance of Islamic banking in Bangladesh. *Thunderbird International Business Review* 49: 251-277.
- Atikoğulları, M. 2009. An Analysis of the Northern Cyprus Banking Sector in the Post– 2001 Period Through the CAMELS Approach. *International Research Journal of Finance and Economics*. 1450-2887.
- Abdus Samad (2004). Performance Of Interest-Free Islamic Banks Vis-À-Vis Interest-Based Conventional Banks Of Bahrain. *IUM Journal of Economics and Management* 12, no.2 (2004): © 2004 by The International Islamic University Malaysia.
- Fuad Mohamed Berawi (2016). *Ekonometrik asas panduan penggunaan asas*. Penerbit universiti utara Malaysia, sintok.
- Aisyah Abdul-Rahman* Noor Latifah Hanim Mohd Said Ahmad Azam Sulaiman*(2016). Financing Structure and Liquidity Risk: Lesson from Malaysian Experience. *Journal of Central Banking Theory and Practice*, 2017, 2, pp. 125-148 Received:
- Anum, J. B., & Abdul, Q. (2012). “Internal and external determinates of profitability of banks: Evidence from Pakistan”, *Interdisciplinary journal of contemporary research in business* 3(9), 1037-1058.
- Ahmet, B., & Hasan, A. (2011). “Determinants of capital adequacy ratio in Turkish Banks: A panel data analysis”, *African Journal of Business Management* 5 (27), 11199-11209
- Alper, D., Anbar, A., Bank Specific and Macroeconomic Determinants of Commercial Bank Profitability: Empirical Evidence
- Altunbas, Y., Carbo, S., Gardener, E.P.M. & Molyneux, P. 2007. Examining the relationships between capital, risk and efficiency in European banking. *European Financial Management* 13(1): 49-70.
- Berger, A.N., Hunter, W.C. & Timme, S.G. 1993. The efficiency of financial institutions: A review and preview of research past, present, and future. *Journal of Banking and Finance* 17: 221-249
- Boss, M., Fenz, G., Pann, J., Pühr, C., Schneider, M., Ubl, E., 2009. Modeling credit risk through the Austrian business cycle: an update of the OeNB Model. *OeNB Financial Stability Report* 17, 85–101
- Berge, T.O., Boye, K.G., 2007. An analysis of bank’s problem loans. *Norges Bank Economic Bulletin* 78, 65–76.

- Boyes, W. & Melvin, M. 2008. Economics. 7th edition. Massachusetts: Houghton Mifflin
- Berger, A.N., Hunter, W.C. & Timme, S.G. 1993. The efficiency of financial institutions: A review and preview of research past, present, and future. *Journal of Banking and Finance* 17: 221-249 Company.
- Barnes, D. 2008. Introduction to operations management. In *Operations Management: An International Perspective*, edited by D. Barnes, 21-44. London: Cengage Learning EMEA
- Daud, N. A. (2013). Prestasi Perbankan di Malaysia : Analisis CAMEL. *Prosiding Perkem*, 3(VIII), 1331–1339.
- Fadzlan, S., & Royfaizal, R. C. (2008). “Determinants of banks profitability in a Developing economy: Empirical evidence from the Philippines”, *Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance* 4(2), 91-112.
- Fadzlan Sufian dan Mohamad Akhbar Noor Mohamad Noor (2009), “The Determinants of Islamic banks” efficiency changes”, *International Journal Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, Vol. 2, No. 2, h. 120-138.
- Heffernan, S. A., & Fu, X. (2010). Determinants of financial performance in Chinese banking. *Applied Financial Economics*, 20(20), 1585–1600. <https://doi.org/10.1080/09603107.2010.505553>
- Louzis, D. P., Vouldis, A. T., & Metaxas, V. L. (2012). Macroeconomic and bank-specific determinants of non-performing loans in Greece: A comparative study of mortgage, business and consumer loan portfolios. *Journal of Banking and Finance*, 36(4), 1012–1027. <https://doi.org/10.1016/j.jbankfin.2011.10.012>
- Rozzani, N., & Rahman, R. A. (2013). Determinants of bank performance: Conventional versus Islamic. *Jurnal Pengurusan*, 39(2013), 129–139.
- El Moussawi, C. & Obeid, H. 2011. Evaluating the productive efficiency of Islamic banking in GCC: A non-parametric approach. *International Management Review* 7(1): 10-21.
- Empirical Evidence from the Commercial Banks of Pakistan”, *International Journal of Business and Social Science* 2(6), 235-242.
- Hassan, M.K. 2005. The Cost, Profit and X-efficiency of Islamic banks. Paper Presented at the 12th ERF Annual Conference, December, Egypt.
- Husni, A. K., Walid, Z. S., & Ali, H. K. (2011). “Determinants of Islamic Bank Profitability: Evidence from Jordan”, *Middle Eastern Finance and Economics*, 13.

- Khizer, A., Farhan, A. M., & Zafar, A. (2011). "Bank-Specific and Macroeconomic Indicators of Profitability: Empirical Evidence from the Commercial Banks of Pakistan", *International Journal of Business and Social Science* 2(6), 235-242.
- Milbourn, T.T., Boot, A.W.A. & Thakor, A.V. 1999. Megamergers and expanded scope: Theories of bank size and activity diversity. *Journal of Banking and Finance* 23: 195-214.
- Mohammad Taqiuddin Mohamad, Ahmad Azam Sulaiman@Mohamad Dan Joni Tamkin Borhan (2010), Analisis Pengaruh Risiko Terhadap Prestasi Keuntungan Perbankan Islam Di Malaysia. *Prosiding Perkem V, Jilid 1* (2010) 247 – 255 Issn: 2231-962x.
- Nesrine, A., & Younès B. (2012). "The Determinants of the Profitability of the Tunisian Deposit Banks", *IBIMA Business Review*.
- Ong Tze San et al. 2011. A Study on the Performance Of Malaysian Real Estate Investment Trusts from 2005-2010 by Using Net Asset Value Approach. *International Journal of Economics and Research*. 2(1).
- Othaman Talib (2013). Asas penulisan tesis penyelidikan dan statistik. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang
- Paolo, S. H. (2011). "Determinants of the Profitability of the US Banking Industry", *International Journal of Business and Social Science* 2(22) 255-269.
- QFinance. 2010. Understanding economic efficiency theory. Available at <http://www.qfinance.com/contentFiles/QF01/g4fq4jz/12/0/understanding-economic-efficiency-theory.Pdf>
- Rinaldi, L., Sanchis-Arellano, A., 2006. Household Debt Sustainability: What Explains Household Non-performing Loans? An Empirical Analysis. ECB Working Paper.
- Riyanto, Bambang. (2001). *Dasar-Dasar Pembelian Perusahaan*. Yogyakarta: BPFE. Simamora, Henry, (2000), *Akuntansi Basis Pengambilan Keputusan Bisnis Jilid II*. Salemba Empat, Yogyakarta.
- Rossi, S.P.S., Schwaiger, M. & Winkler, G. 2005. Managerial behavior and cost/profit efficiency in the banking sectors of Central and Eastern European countries. Working Paper, Oesterreichische Nationalbank.
- Scholstens, B. & van Wensveen, D. 2003. The theory of financial intermediation: An essay on what it does (not) explain. Working Paper, SUERF Studies: 2003/1.

*Hubungan Diantara Saiz Institusi, Pinjaman Tidak Berbayar & Nisbah Modal Terhadap
Prestasi Institusi Perbankan
Suzana Ab Rahman & Muhammad Akmal Hassan*

- Sehrish, G., Faiza, I., & Khalid, Z. (2011). "Factors Affecting Bank Profitability in Pakistan", *The Romanian Economic Journal* 39, 61-87.
- Tobias, O., & Themba, M. S. (2011). "Effects of banking sartorial factors on the Profitability of commercial banks in Kenya", *Economics and Finance Review* 1(5), 01-30.
- Xuezhi, Q., & Dickson, P. (2012). "Commercial Banks Profitability Position: The Case of Tanzania", *International Journal of Business and Management* 7(13), 136-144.